

TARIKH : 13 OKTOBER 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 2

Asas kukuh capai 7 sasaran utama Ekonomi MADANI

Asas kukuh capai 7 sasaran utama Ekonomi MADANI

Bajet dijangka tumpu susun semula ekonomi, agih kekayaan secara adil

Oleh Kamarulzaidi Kamis kamarulzaidi@nstp.com.my

Kuala Lumpur: Belanjawan 2024, yang akan dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Dewan Rakyat hari ini, dijangka akan terus mencerminkan semangat rangka kerja Ekonomi MADANI dengan fokus meningkatkan kualiti hidup rakyat menerusi penyusunan semula ekonomi dan pengalihan kekayaan secara saksama.

Untuk mencapai tujuan itu, kerajaan dijangka melancarkan semula perbelanjaannya, termasuk pelaksanaan subsidi bersasar, memperkenalkan Dasar Gaji Progresif serta meneruskan bantuan tunai kepada mereka yang layak.

Susulan itu, antara penekanan yang dijangka disentuh adalah berkaitan reformasi fiskal, pengigitalan, pembangunan lestari, menangani isu sosial, peningkatan modal insan, mengenal pasti dan memulakan bidang pertumbuhan baru, selain menyusun semula struktur ekonomi sedia ada.

Secara umumnya, kebanyakan ahli ekonomi menjangka belanjawan kali ini adalah bersifat pengembangan dengan jangkaan defisit fiskal turun kepada 4.0 hingga 4.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), berbanding 5.0 peratus pada tahun ini.

Saiz belanjawan juga adalah dijangka lebih besar daripada RM388.1 bilion yang dibentangkan Anwar pada Februari lalu.

Penganalisis meramalkan perbelanjaan mengurus (OE) lebih besar daripada RM289.1 bilion pada 2023, namun perbelanjaan pembangunan (DE) adalah lebih kecil berbanding RM99 bilion pada tahun ini.

TA Research dalam nota penyelidikannya baru-baru ini berkata, Belanjawan 2024 akan mengekalkan usaha untuk merapatkan jurang pembangunan antara negeri, terus memberi bantuan kepada kumpulan B40 dalam menangani kos sara hidup yang tinggi, membantu usahawan mikro, kecil dan sederhana dalam memperkuatkan keupayaan dan meningkatkan akses pasaran, serta terus meningkatkan pembangunan infrastruktur.



Ahli ekonomi jangka belanjawan kali ini bersifat pengembangan dengan jangkaan defisit fiskal turun kepada 4.0 hingga 4.5 peratus daripada KDNK berbanding 5.0 peratus pada tahun ini. (Foto: ihsan)

Katanya, antara tiga perkara utama berkaitan rakyat dan pengguna yang dijangka disentuh adalah penyusunan semula subsidi, program bantuan tunai dan struktur gaji baharu. Susulan penyusunan semula subsidi, jumlah peruntukan subsidi untuk 2024 dijangka berkurangan kepada RM40 bilion berbanding pada 2023 sebanyak RM58.6 bilion, seperti tercatat dalam pembentangan semula Belanjawan 2023 pada Februari lalu.

"Penting untuk diperhatikan bahawa penyusunan subsidi ini tidak akan memberi kesan besar kepada isi rumah yang berpendapatan tinggi kerana peningkatan dalam perbelanjaan bagi kumpulan T20 adalah agak sederhana berbanding dengan pendapatan keseluruhan mereka," kata TA Research.

Dipercevai antara fokus pelaksanaan subsidi bersasar adalah bahan api, iaitu diesel dan RON95, serta barangan keperluan utama lain dalam usaha meningkatkan kecekapan dalam menyalurkan kepada pihak yang benar-benar layak serta menangani ketirisan.

Pemberian bantuan tunai

Sementara itu, penganalisis juga berpendapat kerajaan akan meneruskan pemberian bantuan tunai, namun jumlahnya dijangka kurang daripada tahun ini.

Ia susulan kemajuan negara selepas fasa pandemik, selain daripada kriteria kelayakan untuk bantuan tunai ini akan dinilai melalui pelaksanaan Sistem

Pangkalan Data Utama (PADU) yang baharu.

PADU akan berfungsi sebagai pusat data utama, mengumpul maklumat dari lebih daripada 270 agensi kerajaan. Mekanisme saringan baharu ini bertujuan untuk memastikan bantuan hanya disalurkan kepada mereka yang benar-benar layak.

Dalam pada itu, kerajaan juga dijangka memperkenalkan Dasar Gaji Progresif menggantikan Dasar Gaji Minimum yang dimulakan pada 2013. Langkah itu bertujuan menangani jurang pendapatan dan mengurangkan kesan peningkatan kos sara hidup.

Dasar Gaji Minimum bermula dengan RM900 di Semenanjung dan RM800 di Sabah dan Sarawak, sebelum meningkat secara berperingkat dan diseragamkan kepada RM1,500 pada Mei 2022 di seluruh negara.

Selain itu, ada spekulasi paras gaji minimum akan dinaikkan kepada RM1,800. Secara keseluruhan, penganalisis menjangkakan reformasi gaji pada 2024, akan meningkatkan pendapatan bersih dan kuasa beli golongan berpendapatan rendah.

Sementara itu, Maybank Investment Bank (Maybank IB) dalam nota penyelidikannya berkata, dalam usaha memperkuatkan kedudukan kewangan, kerajaan berkemungkinan melaksanakan cukai ke atas 'pendapatan, keuntungan, dan kekayaan'.

Antaranya adalah seperti cukai keuntungan modal (CGT) ke atas saham yang tidak tersena-

rai; cukai barangan mewah yang dicadangkan dalam Belanjawan 2023 yang dibentangkan semula pada 24 Februari lalu; pengenalan kadar Cukai Pendapatan Korporat Global Minimum sebanyak 15 peratus ke atas syarikat multinasional (MNC).

Selain itu, Maybank IB juga berkata, sebagai sebahagian daripada strategi penambahbaikan pendapatan, sistem invois elektronik (e-invois) akan diperkenalkan secara berperingkat mulai 1 Jun 2024 hingga 1 Januari 2027 untuk meningkatkan kecekapan sistem perukaitan dan memperkuat pematuhan cukai, teruta-



manya dalam menangani ketirisan berikutan 'ekonomi gelap'

Rangsang Industri HGV

Sementara itu, dalam mempercepatkan negara mencapai taraf berpendapatan tinggi, tumpuan adalah kepada merangsang industri pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi (HGV) dalam sektor teknologi dan digital, elektrik dan elektronik; tenaga boleh diperbaharui; pertanian dan asasi; PMKS dan PKS; memantapkan lagi jaringan pengangkutan awam dan ketersediaan bakat serta tenaga mahir.

Secara keseluruhannya Belanjawan 2024 dijangka meletakkan asas kukuh dalam mencapai tujuh sasaran utama Ekonomi MADANI dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Tujuh sasaran itu adalah menjadikan Malaysia berada di kedudukan antara 30 ekonomi terbesar di dunia; Indeks Daya Saing Global di tangga ke-12 teratas dunia; peratusan pendapatan buruh mencapai 45 peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan; kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh mencapai 60 peratus; Indeks Pembangunan Manusia di tangga 25 teratas dunia; Indeks Persepsi Rasuah di tangga 25 teratas dunia dan kemampuan fiskal dengan defisit fiskal mencapai 3.0 peratus atau lebih rendah. Ia juga dijangka selaras dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Pelan Industri Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMK12).

Ibadat & Faidat

Abu Hurairah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Allah berfirman: Apabila seorang beriman diuji dengan dimatikan orang dikasihinya, kemudian dia menerimanya penuh reda, mereka akan dibalas syurga." (HR Bukhari)

| KAWASAN | SUBUH | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---------------|-------|-------|------|---------|-------|
| Kangar | 5:57 | 1:07 | 4:24 | 7:06 | 8:16 |
| Alor Setar | 5:56 | 1:07 | 4:24 | 7:06 | 8:15 |
| P. Pinang | 5:56 | 1:07 | 4:24 | 7:07 | 8:16 |
| Ipoh | 5:54 | 1:05 | 4:21 | 7:05 | 8:14 |
| Kuala Lumpur | 5:51 | 1:02 | 4:18 | 7:03 | 8:12 |
| Shah Alam | 5:51 | 1:02 | 4:18 | 7:03 | 8:12 |
| Jejohor Bahru | 5:41 | 12:54 | 4:07 | 6:55 | 8:04 |
| Kuantan | 5:45 | 12:57 | 4:11 | 6:57 | 8:07 |
| Seremban | 5:49 | 1:01 | 4:15 | 7:02 | 8:11 |
| Bandar Melaka | 5:48 | 1:00 | 4:14 | 7:01 | 8:10 |
| Kota Bharu | 5:49 | 1:00 | 4:17 | 6:59 | 8:05 |
| K. Terengganu | 5:45 | 12:56 | 4:12 | 6:55 | 8:05 |
| Kota Kinabalu | 4:55 | 12:06 | 3:22 | 6:05 | 7:15 |
| Kuching | 5:16 | 12:29 | 3:42 | 6:30 | 7:39 |